

03 NOV 2003

HUBUNGAN DENGAN WILAYAH SELATAN THAI PENTING, KATA PENASIHAT AGAMA

RANTAU PANJANG, 3 Nov (Bernama) -- Hubungan antara umat Islam di negara ini dan di wilayah-wilayah selatan Thailand akan bertambah erat melalui program-program yang dilaksanakan bersama oleh kedua-dua pihak, kata Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Katanya hubungan itu amat penting bagi kedua-dua negara kerana di wilayah-wilayah selatan Thai terdapat ramai kaum keluarga rakyat Malaysia, malah ada rakyat Malaysia yang menetap di sana yang juga menjadi pengundi di negara ini.

"Mereka mempunyai hubungan keluarga yang rapat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan buah tamar kepada wakil agensi dan jabatan-jabatan kerajaan, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di sini hari ini.

Abdul Hamid berkata daripada segi ekonomi, umat Islam di wilayah selatan Thai boleh diambil sebagai tenaga kerja di beberapa sektor terutama ladang kelapa sawit yang memerlukan ramai tenaga kerja asing.

Beliau berkata negara jiran itu, yang mempunyai kemahiran dalam bidang pertanian, turut boleh membantu Malaysia yang sedang memperhebatkan pertumbuhan sektor pertanian seperti ternakan ikan dan lembu.

Mengenai pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima, Abdul Hamid berkata beliau yakin Abdullah tetap akan memberi keutamaan seperti bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kepada usaha murni kerajaan untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi di kalangan rakyat.

-- BERNAMA

BD RAR MAI